

BAB 7

KESIMPULAN

7.1 PENGENALAN

Hubungan ROK-DPRK daripada pelbagai perspektif dan formula penyatuan yang dibincangkan pada bab-bab sebelum ini memberikan satu gambaran bahawa terdapat satu konsep yang dapat menjelaskan situasi yang berlaku ini. Di samping itu juga, adalah perlu bagi kita untuk mencari satu kaedah sesuai ke arah mewujudkan keamanan di Semenanjung ini bagi merealisasikan harapan penyatuan.

7.2 KONSEP *REALIST* DAN *NATIONAL INTEREST*

Dalam membincangkan konsep penyatuan dan hubungan ROK-DPRK, didapati kedua-dua buah negara ini masih mengekalkan pendekatan *realist* iaitu menekankan konsep *national interest* sebagai asas utama yang ingin dicapai oleh negara. Oleh itu, tidak hairanlah kenapa usaha-usaha yang dijalankan ini gagal akibat kepentingan nasional kedua-dua negara ini yang lebih diutamakan. Kewujudan berbagai pendekatan penyatuan seperti '*Korean Commonwealth, National Reconciliation & Democratic Process*', '*Democratic Confederal Republic of Koryo*', konsep penyatuan '*Two Systems One State*' dan sebagainya hanyalah merupakan kaedah kedua-dua buah negara mengekalkan kuasa. Ini adalah bertepatan dengan kenyataan Sang-Woo Rhee yang menyatakan '...realitinya, kedua-dua kumpulan elit ini (Utara dan Selatan) tidak ingin kehilangan kuasaideology hanya dijadikan alasan kepada persaingan kuasa ini'.¹

¹ Sang-Woo Rhee, *Security and Unification of Korea*, Songang University, Seoul, 1984, hal. 99.

Namun perlu diingat, bagi mencapai *national interest*, terdapat berbagai kaedah serta pendekatan yang digunakan. Realitinya, tidak semua negara bersedia untuk berperang bagi mencapai matlamat ini. Ini adalah bertepatan dengan kenyataan bahawa 'kebanyakan soal kepentingan nasional diselesaikan tanpa menggunakan kekerasan ataupun ancaman ...kebanyakannya ianya diselesaikan melalui saluran diplomasi dan rundingan'.² Kenyataan ini adalah selari dengan keadaan yang berlaku di Korea di mana ROK dan DPRK masih mengemukakan idea penyatuan melalui pendekatan diplomasi dan perundingan sebagai landasan mengekalkan kepentingan nasional mereka. Namun tidak dinafikan bahawa kecenderungan untuk memulakan peperangan masih wujud. Tetapi ia bergantung kepada kesediaan negara tersebut dari aspek militari, kehilangan jiwa, kemusnahan dan sejumlah wang yang besar untuk membiayai kos peperangan.

Selain itu, konsep *national interest* ini juga dapat menjelaskan perhubungan antara ROK-DPRK. Misalnya perubahan sikap DPRK sejak awal 1980an sehingga kini adalah lebih terbuka dalam semua bidang seperti soal penyatuan, pembangunan senjata, dan keselamatan adalah kerana *national interest*. Perubahan ini ditentukan oleh beberapa faktor antaranya pertama, akibat kejatuhan ekonomi DPRK dan kejayaan sistem kapitalis, kedua, akibat ketiadaan sahabat utama selepas jatuhnya regim Soviet yang memberi sokongan kepada negara ini, ketiga, bencana alam di negara ini menyebabkannya memerlukan bantuan kemanusiaan dari dunia luar untuk mengurangkan masalah yang dihadapi dan keempat, sistem dunia yang semakin berubah ke arah kebergantungan ekonomi untuk kelangsungan negara.

² Grayson Kirk, *The Study of International Relations*, New York, Council on Foreign Relations, 1947, hal. 13 (dipetik dari Frederick H. Hartmann, *The Relations of Nations*, (5th Edition), Macmillan, 1979, hal. 8)

Isu pembangunan program nuklear, peluru berpandu, pembentukan forum serantau, militari dan sebagainya di DPRK juga sangat signifikan dengan konsep ini. Pentingnya sumber ini adalah kerana faktor keselamatan, tenaga dan *bargaining chips* iaitu alat mengubah polisi negara lain ke atas Utara. Misalnya tindakan DPRK yang mengenakan beberapa syarat untuk berunding dengan presiden Amerika, George W. Bush seperti ganti rugi akibat kemelesetan ekonomi, pengunduran tentera Amerika dari Korea dan sebagainya bagi menyambung semula rundingan yang terputus sebelum ini. Kesemua ini menunjukkan bahawa *national interest* merupakan asas penting dalam menjelaskan keadaan yang berlaku di Korea.³

Bukan setakat di DPRK, konsep ini juga dapat menjelaskan perlakuan ROK. Dalam membincangkan soal penyatuan, didapati pendirian ROK adalah sering berubah-ubah mengikut tempoh pemerintahan seseorang presiden. Hal ini dominan dipengaruhi oleh faktor ekonomi, di mana pada awalnya ekonomi ROK adalah lemah (dan DPRK adalah maju) dan ini menyebabkan ia menolak semua agenda penyatuan kerana penerimaannya kelak akan merugikan ROK kerana pemerintah yang bakal dipilih kelak akan memihak kepada negara yang mempunyai ekonomi yang kuat iaitu DPRK. Namun pendirian ini berubah pada awal lewat 1970an di mana ROK memulakan usaha penyatuan kerana sedar ekonominya yang maju akan menjadikan penyatuan kelak memihak kepada negaranya. Oleh itu jelaslah di sini bahawa konsep *national interest* ini sangat signifikan dengan keadaan yang berlaku ini.

³ Namun pengkaji juga merasakan bahawa konsep '*Balance of Power*' juga dapat menjelaskan isu ini. Ini kerana DPRK cuba untuk mengimbangi kekuatan Amerika, ROK, Jepun dan China dengan meningkatkan pembangunan senjatanya. Pembangunan ini adalah perlu bagi kelangsungan dan kedaulatan negara negara ini. Namun jika diperhalusi ianya masih tidak lepas lari dari konsep *national interest*.

ROK pada peringkat awalnya enggan untuk menerima dan mengakui DPRK sebagai negara berdaulat. Namun ianya berubah pada awal 1970an. Perubahan ini juga banyak ditentukan oleh konsep *national interest*. Ia disokong oleh beberapa keadaan, pertama, pengumuman Doktrin Nixon, kedua, perluasan pengaruh China dan Russia, ketiga, kekuatan tentera DPRK itu sendiri dan keempat kekhawatiran dengan ancaman dari negara lain selepas Amerika bercadang untuk mengundurkan tenteranya dari ROK.

Selain itu, kebergantungannya kepada Amerika dalam semua hal juga dapat dijelaskan dengan konsep *national interest*. Ini kerana Amerika merupakan penyumbang terbesar dalam aspek keselamatan, ketenteraan, ekonomi dan sebagainya ke atas ROK.

Walau bagaimanapun, jika dilihat *national interest* daripada pendekatan yang menyeluruh kepada Korea (jika penyatuan berlaku kelak), terdapat kebaikan penyatuan ini kerana ianya akan menjadi aset berharga kepada kedua-dua negara ini di mana gabungan kemampuan ekonomi, ketenteraan dan sebagainya mampu mejadikan Korea Bersatu sebagai sebuah negara yang amat maju dan mampu menyaingi negara lain di dunia dan rantau ini khususnya.

7.3 HIPOTESIS KAJIAN

Penjelasan mengenai konsep *national interest* di atas sebenarnya menyokong penuh hipotesis pertama kajian ini.

Hipotesis kedua pula menyebut bahawa polisi penyatuan kedua-dua negara ini adalah dipengaruhi oleh pendekatan Realist dengan menggunakan faktor ekonomi sebagai petunjuk utama. Tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan realist merupakan cara yang paling sesuai untuk melambangkan kehendak pemimpin kedua-dua negara ini.

Keengganan menerima cadangan dari sebelah pihak kerana menyedari bahawa penerimaan cadangan ini bermakna pihak yang satu lagi akan kehilangan kuasa. Oleh itu tidak hairanlah setiap kali cadangan dikemukakan samada oleh Utara atau Selatan, salah satu pihak akan membuat cadangan balas sebagai menghalang idea dari satu pihak diterima. Ini dibuktikan pada 1970an, 80an dan 90an di mana kesemua idea yang dikemukakan akan menerima cadangan balas yang dikatakan lebih ideal berbanding cadangan awalnya. Namun secara kasarnya cara bagaimana negara ini bertindak dapat dilihat melalui tahap ekonomi yang dicapai oleh negara tersebut.

Pada tahun-tahun 1950an dan 1960an, ekonomi DPRK berada dalam keadaan yang amat menggagumkan dan ini mendorongnya melaksanakan polisi penyatuan yang bersungguh-sungguh dan bersifat agresif dengan mempengaruhi golongan berhaluan kiri, pelajar dan menggunakan pendekatan subversif. Ini ditambah lagi dengan ekonomi ROK yang lemah pada masa itu. Satu contoh yang jelas bagi menyokong hipotesis ini ialah usaha mengadakan rundingan pada 20 Mei 1961 antara perwakilan pelajar Universiti di Utara dan Selatan ke arah penyatuan menggunakan pengaruh pelajar. Namun ianya gagal akibat rampasan kuasa pihak tentera pada 16 Mei. Di samping itu, Utara juga telah beberapa kali menyatakan bahawa DPRK sanggup menanggung risiko yang ada di ROK seperti jumlah penganggur yang ramai, pembangunan ekonomi yang lembap dan sebagainya sekiranya penyatuan dilaksanakan dan ini menyokong hipotesis II (a).

Faktor ekonomi ini juga dapat menjelaskan keadaan yang berlaku di ROK. ROK pada awalnya, enggan melaksanakan sebarang polisi penyatuan kerana ekonominya yang tidak stabil. Di bawah pemerintahan Rhee misalnya, akibat ketiadaan pembangunan ekonomi dan kebergantungannya ke atas Amerika menyebabkan berlakunya inflasi,

pengangguran yang tinggi, perbelanjaan defisit dan sebagainya dan mendorong polisi penyatuan yang hanya bergantung kepada pendekatan PBB dan menggunakan ketenteraan untuk merampas *'the lost territory'*. Ini menyokong hipotesis II (b).

Tetapi ini berubah di mana pada peringkat pertengahan dan akhir 1960an, ROK cuba membangunkan ekonominya yang menjadi asas kekuatan negara melalui bantuan Amerika dan Jepun. Seterusnya pada 1970an, Park berjaya melaksanakan dasar-dasar ekonomi yang baik menyebabkan wujud kestabilan politik di ROK. Sebaliknya ekonomi di DPRK pada 1970an yang berada dalam keadaan yang agak teruk telah mengubah dasarnya kepada lebih bersifat sederhana dalam polisi penyatuan. Pada 1971, misalnya Kim Il Sung menyatakan kesediaanya mengadakan dialog dengan ROK di samping kerjasama Palang Merah dan usaha-usaha melalui rundingan di peringkat antarabangsa. Keadaan ini menyokong hipotesis II (a) dan (b).

Pada tahun-tahun 1980an ekonomi DPRK berada dalam keadaan yang tidak stabil akibat kegagalan EP tahun tersebut. Ini menyebabkan dasar penyatuan yang dijalankan adalah bersifat pasif daripada pendekatan sebelumnya (namun di awal pembentukan regim pemerintahan tentera Chun Doo Hwan, berbagai aktiviti militan dijalankan oleh Utara). Ini dapat dilihat melalui cadangan kerjasama ekonomi, sukan, Palang Merah, bantuan kemanusiaan ke Selatan dan sebagainya dan ini menyokong hipotesis II (a).

Ini berbeza dengan keadaan yang berlaku di ROK yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak memberangsangkan. Pada masa inilah ROK mula melaksanakan dasar penyatuan yang lebih bersifat aktif melalui pengenalan idea-idea penyatuan seperti idea penyatuan oleh Chun Doo Hwan pada 1982 dan Roh Tae Woo melalui *Korean Commonwealth* yang memperlihatkan tentang usaha penyatuan secara lebih aktif.

Keadaan ekonomi yang teruk di Utara pada 1990an sehingga kini akibat sistem ekonominya yang tidak selari dengan sistem kapitalis, kelemahan pengurusan ekonomi, masalah banjir dan kemarau, kehilangan sokongan dan rakan dagangan terbesar DPRK iaitu Soviet dan Eropah Timur dan sebagainya menyebabkan ia menghadapi masalah yang besar dan terpaksa meminta bantuan antarabangsa.⁴ Pada masa ini, DPRK di bawah Kim Jong Il melaksanakan dasar penyatuan yang agak pasif dan seringkali isu penyatuan ini tenggelam dan tidak dibincangkan akibat masalah ekonomi yang dihadapi.

Hal ini berbeza dengan keadaan di ROK di mana di bawah Kim Young Sam, ia cuba melaksanakan dasar penyatuan melalui formula *KNCU* pada 1994 dan *Basic Agreement* 1992 dengan DPRK untuk menunjukkan bahawa ROK inginkan penyatuan berkekalan di Semenanjung Korea. Di bawah Kim Dae Jung, beliau beberapa kali menegaskan bahawa ROK tidak akan melakukan penyatuan melalui proses '*absorption*' kerana kelemahan ekonomi DPRK akan membawa kehancuran kepada Korea Bersatu kelak. Oleh itu usaha-usaha penyatuan adalah lebih menggunakan pendekatan pasif di mana usaha penyatuan adalah melalui kaedah diplomasi, rundingan, kerjasama dan sebagainya. Ini menyokong hipotesis II (b).

Maka dengan itu juga, pengkaji berasa yakin bahawa faktor kuasa menggunakan pendekatan ekonomi inilah akan membawa kepada penyatuan Korea pada satu masa nanti. Pengkaji meramalkan jika pendekatan ini berterusan digunakan oleh pemimpin kedua-dua, ianya akan menyukarkan proses penyatuan dan yang pastinya penyatuan itu

⁴ Dalam hal ini, jelas bahawa konsep *Juche* (*Self-reliance*), iaitu kebergantungan-sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada negara-negara lain yang diamalkan oleh DPRK ini akhirnya memakan tuan apabila ianya telah gagal dalam pelaksanaan ekonominya dan memberi kesan yang buruk kepada negara tersebut.

sendiri tidak akan dapat dicapai dalam tempoh terdekat selagi pemerintah Utara masih mampu *survive* dalam aspek pembangunan ekonomi negara tersebut.

Walaupun hipotesis di atas menyebut faktor ekonomi adalah dominan dalam menentukan polisi penyatuan kedua-dua negara ini, namun pengkaji turut faktor domestik dan antarabangsa, campurtangan luar, pembangunan ketenteraan, pembangunan program nuklear dan sebagainya juga menyumbang kepada hal ini. Ini adalah seperti disebutkan dalam hipotesis III. Pengkaji percaya bahawa penyatuan tidak akan dapat dijalankan dalam tempoh terdekat disebabkan ketiadaan faktor-faktor ini. Antara faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada penyatuan ialah seperti keruntuhan DPRK, penyatuan melalui peperangan dan wujud tolak ansur, penglibatan Amerika, Jepun, Russia dan China dan sebagainya.

7.4 BAGAIMANA MEWUJUDKAN KEAMANAN DI KOREA

Oleh itu bagi mencapai matlamat ini, beberapa perkara asas adalah dicadangkan untuk mewujudkan keamanan melalui berbagai cara seperti mewujudkan *Confidence Building Measures* (CBM), pembentukan organisasi antarabangsa, pembentukan badan-badan berkecuali dan sebagainya. Melalui keadaan ini kelak, ianya akan dapat membawa kepada keamanan yang berkekalan dan seterusnya mampu untuk membawa kepada penyatuan di Semenanjung tersebut.

7.4.1 PERDAMAIAN DAN PENYATUAN MELALUI PENDEKATAN CBM

Penerimaan konsep keamanan akan dapat membawa kepada *Confidence Building Measures* (CBM)⁵ dan ini penting kepada rantau ini. Namun, ia hanya berfungsi sebagai

⁵ CBM merujuk kepada penghindaran konflik dan mengelakkan peperangan melalui pengurusan konflik yang baik. Oleh itu, sebarang bentuk tindakan, persefahaman, treati dan lain-lain yang boleh membawa

'preventive diplomacy' dan bukan penyelesaian krisis secara keseluruhannya.⁶ Dalam kes Korea, penerimaan konsep *Mutual Threat Reduction* (MTR) amat penting di mana jika sebelum ini ROK dan Amerika menganggap DPRK dan sebaliknya sebagai musuh, maka ia perlu mengubah persepsi ini dan menganggap bahawa usaha dan kerjasama perlu ditingkatkan bagi menjamin perdamaian yang berkekalan.⁷

Demonstrasi ketenteraan besar-besaran di sempadan, pembangunan ketenteraan di 'Joint Security Area' di Panmunjom, latihan ketenteraan dan tindakan provokasi dapat dikurangkan melalui 'Military CBM' dengan menghalang negara ini dari memiliki, membangun dan menggunakan senjata pemusnah, nuklear, biologi dan lain-lain⁸ di samping mematuhi beberapa perjanjian seperti *Non-proliferation Treaty (NPT)*, *Biological Weapons Convention (BWC)*, *Chemical Weapons Convention (CWC)*, *Missile Technology Control Regime (MTCR)*, *Defence White Paper* dan *UN Arms Register*.⁹

Pada masa ini, terdapat beberapa CBM yang telah dicapai misalnya *Basic Agreement 1992* yang menjadi asas keamanan di rantau ini. Namun, ia perlu ditingkatkan melalui pertukaran maklumat, hubungan operasi ketenteraan, infomasi pergerakan dan latihan ketenteraan, menukarkan DMZ kepada zon aman dan menarik balik penempatan senjata strategik.¹⁰ Di samping itu, bentuk CBM lain yang dapat dilakukan adalah

kepada keyakinan dan persefahaman antara negara-negara yang berkonflik bolehlah ditakrifkan sebagai CBM. (Sila lihat Ameen Izzadeen, *Security Aspects of CBMs, CBMs in South Asia: Potential And Possibilities* (Edt. by Dipankar Banerjee) Regional Centre For Strategic Studies, 2000, hal. 135

⁶ Sung Han Kim, *Exploring CBM in Northeast Asia: Korean perspective*, Korea & World Affairs, Quarterly Review, Vol 21, No 3, 1997. hal. 423 (dipetik dari Ralph A. Cossa, "Asia Pacifica CSBM Washington, CSIS, 1995, p. 7)

⁷ Park Kun Yuong, *N-S Summits Talks and Outlook for Seoul Engagement Policy*, May-June 2000, hal. 2

⁸ Kim Sung-han, *Creating Peace Mechanism on Korean Peninsula*, Korea Focus, March-Apr. 1999, hal. 4

⁹ Sung Han Kim, *op. cit.*, 1995, hal. 431

¹⁰ *Ibid.* hal. 432-433

melalui rundingan empat penjurong DPRK-ROK-China-Amerika, perjanjian Geneva, pembentukan 'Maritime CBM' kerana kepentingan laut dan sebagainya.¹¹

7.4.2 PERANAN PENDUDUK KOREA

Rakyat Korea juga sebenarnya memainkan peranan yang penting ke arah kestabilan rantau ini dan seterusnya mampu membawa kepada penyatuan. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh negara-negara ini adalah seperti mewujudkan satu keadaan yang harmoni di negara tersebut, mencari satu pendekatan menyeluruh ke arah proses penyatuan, mengelakkan berlakunya perang dan melahirkan pemimpin-pemimpin yang mampu membawa kepada penyatuan di Semenanjung tersebut.

7.4.3 PENGLIBATAN ORGANISASI ANTARABANGSA DAN PEMBENTUKAN BADAN BERKECUALI

Penglibatan organisasi antarabangsa sebenarnya sangat penting dalam membantu segala usaha ke arah perdamaian yang berkekalan di kedua-dua negara ini. Ianya dapat dilakukan melalui penglibatan organisasi antarabangsa yang diketuai oleh PBB dengan persetujuan wakil dari kedua-dua buah negara ini untuk bertindak dan memastikan setiap hal yang berkaitan dengan perdamaian, persetujuan penyatuan, perjanjian ekonomi, politik, perjanjian gencatan senjata, perjanjian perlucutan senjata nuklear, kimia, biologi dan lain-lain perjanjian dipatuhi oleh negara-negara yang terlibat.

Di samping itu, bagi mewujudkan persefahaman, ia memerlukan penglibatan badan berkecuali yang dapat diterima oleh kedua-dua buah negara dan menjamin segala tindakan atau pelaksanaan aktiviti badan tersebut akan dapat diterima oleh kedua-dua

¹¹ Sung Han Kim, *op. cit.*, 1995, hal. 436

buah negara tanpa wujudnya prasangka. *Military Armistice Commission* (MAC) misalnya boleh digantikan dengan pembentukan badan berkecuali misalnya Suruhanjaya Kerjasama Ketenteraan Utara-Selatan, Suruhanjaya Keamanan Utara-Selatan atau badan lain yang dianggap lebih sesuai bagi menjamin keamanan di Semenanjung Korea.¹²

7.4.4 MENGURANGKAN PENGLIBATAN KUASA-KUASA BESAR

Selain daripada itu, peranan kuasa-kuasa lain di rantau ini perlu dikurangkan bagi kepentingan kedua-dua negara ini. Dalam hal ini, rundingan ROK-DPRK perlu mengurangkan penglibatan kuasa besar kerana ianya hanya merumitkan rundingan. Selain itu, adalah menjadi peranan kedua-dua negara ini menormalisasikan hubungan ROK-DPRK, DPRK-Amerika-Jepun dan negara barat lain. Proses ini amat penting bagi mengurangkan penglibatan kuasa besar dalam hal-ehwal kedua-dua buah negara tersebut.

Di samping itu Russia, China, Amerika dan Jepun perlu memainkan peranan bagi memastikan wujudnya keamanan yang mampu membawa penyatuan. Ia dilakukan dengan tidak menekankan kepentingan negara semata-mata, membenarkan ROK dan DPRK menjalankan usaha penyatuan tanpa campur tangan dan sebagainya. Selain itu, tentera Amerika di rantau ini hendaklah diundurkan. Sebarang hubungan ROK-Amerika dianggap oleh DPRK dan China sebagai pakatan yang bersifat regional.

7.5 KESIMPULAN

Seperti yang dijelaskan oleh beberapa orang sarjana, pengkaji juga mengambil pendirian yang sama iaitu penyatuan kedua-dua buah negara ini tidak akan berlaku dalam

¹² Badan ini hendaklah dianggotai oleh penduduk atau tentera kedua-dua negara ini tanpa campurtangan luar bagi menjamin tiada pertelagahan berlaku dalam hal-hal yang dipersetujui.

tempoh terdekat namun harapan ke arah penyatuan adalah amat cerah. Namun sejak kebelakangan ini ianya banyak dibayangi oleh tindakan-tindakan Amerika yang memberi kesan yang ketara ke atas hubungan ROK-DPRK. Misalnya pendirian AS terhadap isu pengganas menyebabkan berlakunya masalah kepada pelaksanaan *Sunshine Policy* dan ini mendorong ROK melipatgandakan usaha bagi memastikan usaha-usaha yang dijalankan selama ini tidak sia-sia disebabkan oleh faktor tersebut.

Di pihak DPRK, ia juga mengambil beberapa pendekatan antaranya melalui menjalin hubungan dengan negara lain bagi menjamin kelangsungan negaranya. Satu yang amat penting dalam hal ini ialah tindakan negara itu yang mengurangkan penekanan kepada faktor ideologi dalam hubungan ini. Ini merupakan satu petanda bahawa DPRK kini bergerak ke arah sebuah negara yang agak terbuka dan sekiranya ianya berterusan, harapan penyatuan mungkin akan dapat dipercepatkan daripada yang dijangkakan.

Namun seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji merasa agak bimbang jika faktor ekonomi ini masih menjadi faktor utama dalam menentukan polisi penyatuan sesebuah negara. Jika ini berlaku, bermakna usaha ke arah penyatuan akan mengambil beberapa tahun lagi untuk menjadi realiti, kecuali hipotesis di atas berubah di mana faktor ekonomi tidak dijadikan asas pembentukan polisi penyatuan. Dengan pertimbangan rasional untuk kepentingan masyarakat Korea keseluruhannya, tidak mustahil penyatuan akan dapat direalisasikan dalam tempoh beberapa tahun dari sekarang.